di mana-mana. Walaupun perbuatan Israel membalas dendam terhadap serangan berani mati adalah lebih ganas, tetapi ia seolah-olah memberi kemenangan moral buat rakyat Palestin apabila berjaya menimbulkan kebimbangan dan suasana kekalutan buat tentera Israel.

Bagi rakyat Palestin, kematian mereka ketika berada di bawah penguasan Israel adalah tidak sukar untuk diduga dan boleh terjadi pada bila-bila masa. Kerana itu, adalah lebih baik bagi mereka mati dengan cara yang bermaruah dan digelar sebagai pejuang daripada mati tanpa berbuat apa-apa. Sekurang-kurangnya kematian mereka berfaedah kepada negara dan dapat membahagiakan orang lain. Dan atas alasan tersebutlah serangan berani mati ini tidak sahaja dilakukan oleh penganut agama Islam yang mengaitkannya dengan jihad tetapi juga oleh golongan sekular yang turut melihat hanya cara ini boleh mendapatkan semula peradaban mereka.

Sebenarnya Intifadah akan tetap diteruskan oleh rakyat Palestin sehingga pembebasan negara mereka tercapai. Meskipun menyedari ia akan mengambil masa yang panjang lantaran sikap Israel yang tidak akan mengakui kewujudan hak rakyat Palestin kerana takut kehilangan penguasaan mereka, namun rakyat Palestin akan terus bertahan dan cuba untuk mengusir tentera Israel secara paksa. Harapan kepada perdamaian pula sudah sifar lantaran keamanan hanya akan dicapai sekiranya ia dibuat berteraskan keadilan. Sedangkan pada masa yang sama, Israel sama sekali tidak akan membenarkan perkara ini terjadi kerana ia sekaligus menunjukkan pengakuan mereka di atas hak rakyat Palestin. Oleh itu, Intifadah adalah jalan terakhir bagi rakyat Palestin untuk membebaskan negara mereka serta membina semula peradaban bangsa mereka.

KESIMPULAN

Intifadah membuktikan kekentalan semangat juang rakyat Palestin di dalam menentang penguasaan Israel di tanahair mereka supaya negara Palestin yang merdeka serta berdaulat dapat ditegakkan sekaligus peradaban bangsa mereka dapat dibina semula. Lantaran itu, setelah mengalami kekecewaan, merasai segala bentuk kekejaman, penindasan serta ketidakadilan yang dilakukan oleh Israel, ketakutan bukan lagi menjadi perkara utama kepada rakyat Palestin. Sebaliknya ia memberi dorongan dan pencetus semangat kepada rakyat Palestin untuk terus berusaha menentang Israel yang merupakan langkah utama bagi proses pengembalian semula peradaban mereka. Justeru, Intifadah telah memberi kekuatan luar biasa kepada rakyat Palestin untuk terus menentang biarpun tentera Israel memiliki pelbagai senjata moden dan canggih yang tidak setanding dengan mereka. Penyertaan semua golongan termasuk wanita dan kanak-kanak di dalam Intifadah telah membuktikan penyataan tersebut.

Letusan Intifadah bukanlah bermaksud rakyat Palestin lebih sukakan cara kekerasan daripada cara perdamaian di dalam menangani permasalahan mereka. Semua rakyat Palestin sebenarnya inginkan perdamaian tetapi perdamaian yang dibuat mestilah dapat mengembalikan semula hak mereka, menjamin kebebasan yang sepenuhnya kepada mereka dan yang paling utama ialah membenarkan penubuhan sebuah negara Palestin yang menjadi simbol utama peradaban mereka. Walau bagaimnapun apa yang dipanggil sesi perdamaian sebelum ini lebih menjurus kepada keuntungan di pihak Israel semata-mata bahkan makin menambahkan penguasaan Israel.di bumi Palestin. Oleh itu, adalah suatu kepelikan di mana Israel

kononnya meminta perdamaian tetapi hak rakyat Palestin untuk menetapkan isi perdamaian tersebut tidak diberi. Sedangkan matlamat perdamaian ialah untuk memberi kepuasan kedua-dua belah pihak.

Hal yang sama turut berlaku kepada rancangan Peta Perdamaian atau Road Map yang dibuat pada masa sekarang oleh negara-negara besar dunia seperti Amerika Syarikat, Perancis dan Britain. Walaupun menyedari perjanjian tersebut menjanjikan sebuah negara Palestin pada tahun 2005 dan ia adalah suatu rancangan yang cukup sempurna bagi rakyat Palestin untuk mendapatkan negara serta peradaban mereka, tetapi rakyat Palestin mengerti, itu hanyalah di atas kertas sedangkan realitinya ia sukar untuk dipraktikkan.

Kerana itu, Intifadah dengan jelas memperlihatkan rakyat Palestin sudah tidak mempunyai pilihan lain bagi menentang Israel. Rakyat Palestin sudah memahami watak Yahudi. Israel sebenarnya tidak pernah mahukan perdamaian kerana berdamai secara tidak langsung akan membuka ruang untuk rakyat Palestin menuntut hak dan peradaban mereka. Sebaliknya berpura-pura setuju dengan perdamaian hanyalah satu helah Israel untuk memanipulasi pandangan dunia terhadapnya. Dan Israel juga sentiasa meletakkan kesalahan dipihak Palestin sekiranya berlaku kegagalan perdamaian yang kononnya adalah disebabkan tindakan keganasan kumpulan Intifadah. Hakikatnya merekalah pencabul perdamaian kerana sering mencetuskan provokasi supaya rakyat Palestin bertindak.

Walau bagaimanapun, di dalam usaha untuk merealisasikan matlamat pengembalian peradaban mereka, ternyata perjuangan Intifadah rakyat Palestin terpaksa bertindak sendirian. Sungguhpun melihat kekejaman Israel kepada rakyat Palestin diluar batasan ketamadunan manusia dan sememangnya meruntun simpati daripada masyarakat dunia khasnya daripada Dunia Islam, namun tidak banyak yang boleh dilakukan untuk menolong rakyat Palestin. Realitinya Dunia Islam tidak bersatu padu sedangkan jumlah penganut agamanya adalah yang terbanyak. Negara Arab yang mengelilingi Palestin tidak dapat bertindak dengan sekata tentang bagaimana bentuk pertolongan yang perlu diberikan kepada Palestin. Hal ini kerana mereka tidak begitu serius untuk menangani permasalahan Palestin lantaran terpaksa mengutamakan kepentingan negara masing-masing yang selama ini bergantung dengan Amerika iaitu rakan penyubahat Israel. Sekiranya mereka menentang polisi Amerika, maka keadaan negara mereka akan mengalami nasib seperti di negara Iraq yang diserang oleh Amerika bagi tujuan melindungi Israel. Keadaan pula menjadi semakin buruk apabila badan-badan dunia juga terpaksa tunduk dengan kerenah Zionis dan Amerika Syarikat.

Biarpun dalam suasana politik dunia yang mentakrifkan setiap perjuangan keagamaan adalah sebagai kumpulan pengganas, Intifadah rakyat Palestin masih tetap diteruskan tetapi kali ini menggunakan fasa yang lebih radikal dengan pendekatan serangan berani mati yang merupakan pengorbanan paling tinggi yang dilakukan oleh rakyat Palestin sebagai menunjukkan kesungguhan untuk mendapat semula peradaban mereka. Ia dibuat sebagai penyataan cara ini sahaja yang boleh menggugat Israel. Ini kerana strategi sebegini sukar untuk di duga dan boleh terjadi

di mana-mana. Walaupun perbuatan Israel membalas dendam terhadap serangan berani mati adalah lebih ganas, tetapi ia seolah-olah memberi kemenangan moral buat rakyat Palestin apabila berjaya menimbulkan kebimbangan dan suasana kekalutan buat tentera Israel.

Bagi rakyat Palestin, kematian mereka ketika berada di bawah penguasan Israel adalah tidak sukar untuk diduga dan boleh terjadi pada bila-bila masa. Kerana itu, adalah lebih baik bagi mereka mati dengan cara yang bermaruah dan digelar sebagai pejuang daripada mati tanpa berbuat apa-apa. Sekurang-kurangnya kematian mereka berfaedah kepada negara dan dapat membahagiakan orang lain. Dan atas alasan tersebutlah serangan berani mati ini tidak sahaja dilakukan oleh penganut agama Islam yang mengaitkannya dengan jihad tetapi juga oleh golongan sekular yang turut melihat hanya cara ini boleh mendapatkan semula peradaban mereka.

Sebenarnya Intifadah akan tetap diteruskan oleh rakyat Palestin sehingga pembebasan negara mereka tercapai. Meskipun menyedari ia akan mengambil masa yang panjang lantaran sikap Israel yang tidak akan mengakui kewujudan hak rakyat Palestin kerana takut kehilangan penguasaan mereka, namun rakyat Palestin akan terus bertahan dan cuba untuk mengusir tentera Israel secara paksa. Harapan kepada perdamaian pula sudah sifar lantaran keamanan hanya akan dicapai sekiranya ia dibuat berteraskan keadilan. Sedangkan pada masa yang sama, Israel sama sekali tidak akan membenarkan perkara ini terjadi kerana ia sekaligus menunjukkan pengakuan mereka di atas hak rakyat Palestin. Oleh itu, Intifadah adalah jalan terakhir bagi rakyat Palestin untuk membebaskan negara mereka serta membina semula peradaban bangsa mereka.